

Obama Terlepas Peluang Kongsi Dasar Baharu Amerika Syarikat, Kata Najib Bernama
7 Oct, 2013
Daripada Ahmad Fuad Yahya

NUSA DUA (BALI), 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak berkata Presiden AS Barack Obama terlepas peluang untuk berkongsi pendapat tentang dasar baharu AS terhadap Asia semasa Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) 2013.

Obama yang turut menanggunghkan lawatannya ke Malaysia, tidak dapat hadir ke Apec 2013 berikutan masalah dalaman negaranya.

"Saya dan semua rakyat Malaysia amat menantikan lawatan Presiden Obama ke Malaysia kerana beliau mempunyai ramai peminat di Malaysia dan tentunya beliau dibesarkan di Indonesia jadi beliau biasa dengan bahagian sebelah sini dunia.

"Tetapi lebih daripada itu, kami melihat kepentingan strategik yang dilakukannya. Pengumuman polisi baru yang cenderung ke arah Asia, dan ini merupakan peluang keemasan untuk Amerika dan Presiden Obama sendiri menunjukkan kepimpinan dalam konteks penekanan baharu terhadap Asia," katanya ketika Sidang Kemuncak CEO Apec Isnin.

"Apabila beliau menelefon saya, saya memberitahu Presiden Obama bahawa saya faham (masalah dalaman di Amerika Syarikat) dan berkata bahawa saya akan melakukan perkara yang sama jika saya berada di tempat beliau.

"Ancaman yang lebih besar adalah 17 Okt, apabila siling hutang harus disemak untuk mengelakkan akibat yang lebih buruk," tambah Najib.

Najib mengambil bahagian dalam satu sesi "Melabur Untuk Daya Tahan Ekonomi -Satu Perbincangan dengan Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Mexico Enrique Pena Neito" yang dikendalikan oleh Editor Kanan, Bloomberg Businessweek, Diane Brady.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=983778>